

DIARI SEORANG KONSTABEL DAN POTENSI KAJIAN LANJUT SEJARAH KEPOLISIAN

DIARI SEORANG KONSTABEL AND POTENTIAL FOR FURTHER STUDY OF POLICE HISTORY

**Mohd Kasri Saidon¹
Zolkefli Bahador²**

¹Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (E-mail: kasri@uum.edu.my)

²Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (Email: zolkefli@uum.edu.my)

Article history

Received date : 1-12-2020

Revised date : 2-12-2020

Accepted date : 29-3-2021

Published date : 30-3-2021

To cite this document:

Mohd Kasri & Zolkefli (2021). Diari Seorang Konstabel dan Potensi Kajian Lanjut Sejarah Kepolisan. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 4(10), 109 - 116.

Abstrak: Artikel ini merupakan perbincangan yang terperinci terhadap hasil karya berbentuk memoir seorang bekas anggota polis bernama Rosidi Ismail atau lebih dikenali sebagai Rossem. Karya ini bertajuk Diari Seorang Konstabel, dilakarkan dalam bentuk karikatur atau kartun sebagaimana itu adalah teras bakat karyawan tersebut. Dalam catatan beliau digarapkan kembali sebahagian kenangan dan pengalaman yang beliau lalui terutama semasa bertugas sebagai anggota Pasukan Polis Hutan (PPH). Isi kandungan penceritaan ini bermula dengan kemasukan awal dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari asalnya sebagai pelatih Pusat Latihan Belia Negara, Dusun Tua di Melaka. Diceritakan kembali impak Peristiwa 13 Mei 1969 dan situasi keselamatan ketika itu. Bab ini berlanjutan kemudiannya kepada latihan asas kepolisan di Pusat Latihan Polis (Pulapol) dan tambahan latihan hutan untuk melayakkan diri sebagai anggota PPH. Rossem melakarkan kembali pengalaman bertugas dengan Batalion 11 PPH, tugas beliau melibatkan beberapa negeri termasuk operasi di Sarawak. Dalam karya ini terdapat pelbagai informasi yang berguna terutama perihal ancaman pihak Parti Komunis Malaya (PKM) dalam kempen keganasan mereka. Rossem menceritakan kembali insiden operasi di wilayah perbatasan Malaysia-Thai dan serang hendap yang beliau sendiri alami. Terdapat banyak pengisian cerita beliau yang dikira dapat dijanakan kembali dengan penulisan serta kajian lanjut bagi memperbanyakkan dan melengkapkan lagi sejarah negara dari sudut sejarah kepolisan.

Kata Kunci: *Memoir, Kartun, Polis, Komunis, Kepolisan*

Abstract: This article is a detailed analysis of the work in the form of a memoir of a former policeman named Rosidi Ismail or better known as Rossem. This work is entitled Diari Seorang Konstabel, sketched in caricatures or cartoon form as it is the core of the writer's talent. In his notes, he recalls some of the memories and experiences he went through, especially while serving as a member of the Police Field Force (PPH). It started with the initial entry into the Royal Malaysian Police (PDRM) from its original as a trainee for the National Youth Training Center, Dusun Tua in Melaka. Recounted the impact of the May 13, 1969 Incident and the security situation at that time. This chapter goes on to the basic police training at the Police Training Center (Pulapol) and additional forest training to qualify as a PPH member. Rossem

recounted his experience working with the 11th PPH Battalion, his duties involving several states including operations in Sarawak. In this work there is a variety of useful information, especially about the threat of the Communist Party of Malaya (CPM) in their terror campaign. Rossem recounted the incident of operations in the Malaysia-Thai border region and the ambush he himself experienced. There are many fillings of his story that are considered to be re-generated with writing and further study to multiply and complete the history of the country, especially from the point of view of the police.

Keywords: *Memoir, Cartoon, Police, Communist, Police*

Pengenalan

Perkataan sejarah agak umum disebut orang, sejarah adalah sesuatu yang mempunyai pelbagai maksud dan tafsiran. Sejarah adalah disiplin ilmu kemanusiaan yang penting dalam kehidupan. Jika dilihat dari sudut keagamaan, kitab suci Al Quran juga terkandung peringatan dan ajaran dalam bentuk kisah sejarah. Namun dalam era kemajuan material kini sejarah dilupakan atau dianggap tidak perlu dihayati. Seolah-olah ia bukan sesuatu yang perlu dipaksakan dalam masyarakat atau dalam arus kemajuan ini. Kesannya lahir generasi yang buta sejarah, tidak mengenal identiti keturunan, tiada jati diri dan lebih malang bakal kerap mengulangi kesilapan disebabkan tidak menoleh kebelakang untuk mempelajari apa yang dilalui generasi silam. Di Malaysia, fenomena begitu dilihat begitu meluas walaupun sejarah telah menjadi subjek wajib lulus dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Yang menjadi persoalan adakah sejarah disekali menjadi subjek hafalan dan tidak tersemat nilai penghayatan seperti yang sepatutnya. Lantas, berlakulah perkara yang sensitif dalam kemasyarakatan sepertimana kita sama-sama lihat dewasa ini.

Artikel ini melihat sejarah bukan hanya dapat disampaikan secara formal di dalam kelas malah ia dapat disalurkan melalui pelbagai cara. Di negara barat seperti di Eropah dan Amerika misalnya, sejarah begitu sehati dengan masyarakatnya kerana ia diserap masuk dalam elemen kehidupan. Sebut sahaja apa jua pasti ada aspek sejarah bersamanya, dari kesedapan ayam goreng sehingga ke sukan gusti kisah sejarah disulam bersama¹.

Penulisan ini mengutarakan hasil karya berbentuk kartun juga dapat menjadi medium pengajaran atau penyampai maklumat yang baik untuk mempelajari sejarah. Jika kita memberi tumpuan, karya Mohd Noor Khalid atau Dato Lat² banyak memaparkan kisah sejarah yang disampaikan melalui karikatur. Begitu juga dengan Rejabhad³, Fatah Ngah⁴ dan beberapa kartunis lain lagi.

¹ Antara watak yang memperlambangkan jati diri Amerika ialah Hicksaw James Duggan dan Hulk Hogan di era WWF. Gusti ini begitu popular di Malaysia khususnya dalam dekad 80-90an.

² Antara karya Lat yang dapat dijadikan rujukan ialah tentang sejarah pembukaan Kuala Lumpur dan kisah pecah Perang Dunia Kedua di Malaya. Lat juga banyak melakarkan tentang budaya tempatan Malaysia.

³ Rejabhad dalam karya beliau menceritakan kembali pengalaman beliau dalam misi pengaman di Congo sekitar tahun 60an. Ia dapat dianggap sebagai antara karya awal yang mengisahkan kembali pengalaman kontingen Malaya di negara Afrika tesebut.

⁴ Antara yang menarik dalam karya Fatah ialah tentang sejarah perlombongan di Bukit Besi Terangganu. Fatah banyak berkarya dalam majalah kartun *Gila-Gila*.



Rossem atau nama sebenar Rosidi Ismail adalah salah seorang kartunis yang telah menghasilkan karya karikatur atau lebih umum disebut kartun dalam bentuk sejarah yang ada keunikannya. Latarbelakang beliau sebagai seorang bekas anggota polis telah membuka minda karya baginya untuk menghasilkan karya yang berkisah tentang kepolisian. Antara karya yang dikira dapat diangkat sebagai sokongan sejarah ialah *Diari Seorang Konstabel*.⁵ Dalam karya ini dipaparkan beberapa segmen kehidupan beliau dari pemuda latihan belia sehingga menjadi anggota Pasukan Polis Hutan (PPH)⁶ dan pengalaman penugasan beliau di era kekacauan ancaman Parti Komunis Malaya (PKM). Paparan pengalaman beliau yang berbentuk memoir dalam lakaran kartun ini dilihat begitu terperinci malah ada sokongan sumber seperti keratan akhbar yang letakkan bersama. Jelas, informasi begini sangat bernilai dari segi sejarah khususnya sejarah kepolisian. Di pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sendiri pengkarya dalam bentuk kartun berintikan sejarah ini tidaklah ramai.⁷ Lebih utama dari itu, di medan akademik semua maklumat tersebut dapat dijanakan lebih lanjut untuk mendapat nilai sejarah yang lebih mendalam. Ini merupakan peluang besar bagi para penyelidik untuk menambah informasi sejarah dan mungkin ada satu kelimuan baru dapat diterokai dari input yang diperolehi.

Artikel ini bertujuan membawa pembaca kepada satu bentuk aliran penyampaian informasi sejarah dengan menggunakan kaedah (method) karikatur, ia adalah satu kelainan dari buku sebagai teks yang secara digunakan secara tradisinya. Kaedah penggunaan sumber karya kartun dilihat sebahagian dari cara yang dapat dijanakan sebagai medium baru dalam masyarakat dan

⁵ Rossem, *Diari Seorang Konstabel*, Kuala Lumpur: Penerbitan Keramat, 1989.

⁶ Pasukan ini sekarang telah ditukar nama kepada Pasukan Gerakan Am (PGA), pasukan separa military ini berasal dari Jungle Squad yang ditubuhkan sebelum merdeka. Sasterawan Usman Awang adalah bekas anggota polis yang juga terlibat dengan operasi hutan, lihat pengalaman Usman Awang, 1992. *Tulang-Tulang Berserakan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁷ Terdapat sebuah karya himpunan kartun tentang polis khususnya sebelum Perang Dunia Kedua dan kemerdekaan, namun ia kurang menggambarkan senario polis era merdeka. Rujuk *Good Old Days, Police Caricatures*, 1993. Kuala Lumpur: Euroempire Sdn.Bhd.

juga bagi pendidikan moral sama ada dibangku sekolah atau peringkat pengajian tinggi. Isi penulisan artikel ini melihat sejarah bukan hanya dapat disampaikan secara formal di dalam kelas malah ia dapat disalurkan melalui pelbagai cara.

Kandungan dan Aspek Sejarah yang Dapat Dijana

Berdasarkan karya *Diari Seorang Konstabel* terdapat informasi berbentuk kronologi yang terkandung aspek sejarah. Dipaparkan di sini beberapa contoh yang dianggap kuat dari segi sejarah keselamatan dan kepolisian negara;

Latihan Belia Dusun Tua

Dikisahkan oleh Rossem tentang Peristiwa 13 Mei 1969 dan situasi semasa itu. Kekacauan berskala besar ini telah mencetuskan ancaman keselamatan umum pada rakyat umum. Kejadian yang berpusat di bandaraya Kuala Lumpur ini telah menjadi peristiwa berdarah yang mengakibatkan kematian dan kecederaan dengan jumlah yang besar. Pihak tentera telah ditugaskan membantu pihak polis untuk memulihkan kembali keamanan. Di pihak polis, kekurangan anggota diatasi dengan sedikit pengambilan dari anak muda sebagai sukarelawan. Rossem yang ketika itu sedang menjalani latihan di Pusat Latihan Belia Dusun Tua, Melaka telah menyahut seruan ini dan membantu pihak PDRM. Disebutnya;

*“Saya salah seorang secara sukarela menawarkan diri dalam tugas berat ini. Berbekalkan senapang patah dan lapan biji peluru kami mengawal beberapa tempat penting bandaraya... bersama-sama dengan pasukan keselamatan yang lain, atas nama Pasukan Sukarelawan Polis”.*¹

Dari segi sejarah ia dengan secara jelas menyatakan keperluan yang dapat dianggap mendesak kita itu. Tambahan lagi bila pihak atasan PDRM telah menghubungi Komandan Pusat Latihan Belia Dusun tua memohon bantuan pelatih sebagai sukarelawan. Hal ini dirasakan tidak ramai yang tahu dan jika ia dijanakan lebih lanjut informasi ini dapat diperdalamkan dan menjadi pengisian sejarah khusus untuk Kementerian Belia, PDRM dan negara secara umumnya. Tentunya para watak yang terlibat ada yang masih lagi hidup dan segala input yang diberi dapat dikira sebagai rujukan primier.

Latihan di Pusat Latihan Polis (Pulapol) dan Latihan Asas PPH

Rossem telah begitu terperinci dalam menceritakan kembali perihal beliau semasa latihan di Pulapol. Ketika itu hanya di Kuala Lumpur (Jalan Gurney) sahaja menjadi pusat latihan asas kepolisian ini berlainan dengan apa yang ada sekarang dengan jumlah pusat latihan polis yang bertambah. Secara umum komposisi asas latihan dilihat masa lagi sama, mungkin yang berbeza cuma suasana, pakaian dan persenjataan⁸. Akan tetapi dalam segmen latihan PPH di Pusat Latihan PPH Ulu Kinta⁹ Perak memaparkan tentang situasi latihan ketika itu yang dikira gerakan pihak PKM sudah mula mengigit situasi aman.¹⁰ Jumlah pelatih yang ramai menggambarkan langkah kerajaan memperbesarkan pasukan PPH bagi mengekang kebangkitan

⁸ Senjata yang digunakan oleh kartunis tersebut semasa itu ialah Self Loading Riffle (SLR), sekitar lewat tahun 1970an ia telah ditukar pada Colt M16 A1.

⁹ Sekarang dikenali sebagai Sekolah Latihan Pasukan Gerakan Am (SLPGA) Ulu Kinta, Perak. Untuk memahami pengalaman polis semasa darurat sebelumnya dapat dibaca dalam Mohd Pilus Yusoh, Dato', 2001. *A Policeman Story*, Kuala Lumpur: Cempaka Publication, juga Puvaneswaran S.K., 2004. *Puvan- Memoirs of Early Life & 33 Years In Police*, Kuala Lumpur: Alf Promotions

¹⁰ Untuk memahami sejarah dan perihal PKM khususnya di era pendudukan Jepun dapat juga dirujuk dalam Spencer Chapman, 1997. *The Jungle is Neutral*, Singapore: Times Books International. Dapat juga dirujuk Alloysius Chin, 1994. *The Communist Party of Malaya*, Kuala Lumpur: Vinpress

semula PKM. Ulu Kinta menjadi pusat latihan peperangan hutan yang utama ketika itu bagi pihak PDRM. Rossem menyebut;

“Di sini terdapat sebuah sekolah latihan peperangan hutan dan gerila yang terbesar di Tenggara Asia.”

Atas jumlah yang ramai, tidak semua mereka berpeluang duduk di berek. Ramai yang terpaksa tinggal dalam hutan latihan. Malah yang tinggal di berek atau kompleks latihan juga bersesak dengan pelatih yang ramai. Seterusnya kartunis ini menceritakan pengalaman beliau dalam siri latihan yang meliputi asas peperangan hutan hingga ke suasana ketika tamat latihan yang dihadiri Tun Abdul Razak selaku Timbalan Perdana Menteri dan Pengarah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ketika itu¹¹. Penjanaaan kajian lanjut dilihat dapat dibuat lebih kepada koleksi pengalaman para pelatih yang masih ada. Dasar keselamatan negara dengan kebangkitan semula PKM dan situasi Peristiwa 13 Mei juga dapat ditulis kembali dengan lebih analitikal berdasar rekod dalam simpanan pihak Pusat Latihan PPH, PDRM dan Majlis Keselamatan Negara sendiri. Hal ini dapat dijadikan satu pelajaran atau penduan berguna tentang sejarah pihak kerajaan melawan musuh ketika itu. Ini termasuk hal dasar, tindakan dan impak dari apa yang telah dilakukan.

Operasi Bersama Pasukan Keselamatan Thailand

Situasi keselamatan dalam tahun 1970an sememangnya tidak aman dengan pelbagai usaha yang dilakukan pihak PKM terhadap negara. Dalam era tersebut Ketua Polis Negara telah dibunuh, Tugu Negara diletupkan dan serang hendap dilakukan terhadap pasukan keselamatan.¹² Pihak Malaysia dan Thailand telah mengadakan kerjasama keselamatan sempadan untuk membasmi PKM. Gerakan keselamatan dibuat khususnya melibatkan kerjasama operasi Malaysia-Thailand. Pasukan PPH memainkan peranan besar dalam agenda ini. Roseem menceritakan kembali pengalaman pergerakan operasi beliau di wilayah sempadan yang meliputi kawasan Bukit Bunga Kelantan ke Wing di Narathiwat, Thailand. Ini termasuk juga kerjasama erat antara pihak PPH dan polis Thai. Rondaan dilakukan secara bersama dan diceritakan juga tentang pertempuran yang berlaku di kampung Cabang Dua dalam kawasan keselamatan itu. Begitu juga penyerapan sokongan sosial dengan warga tempatan. Di kampung Perah, Wing misalnya pihak PPH bersama penduduk kampung yang rata-rata beragama Islam sama-sama mengadakan sambutan Maulidul Rasul. Dilihat idea asal “Heart and Mind” yang berperanan besar semasa era darurat telah dipraktikkan kembali.¹³ Penjanaaan sejarah dapat dibuat dengan menulis kembali perihal era insurgensi yang melibatkan perbatasan negara. Tentu sahajalah dalam situasi aman sebegini penduduk di kawasan sempadan sama ada di Malaysia atau Thailand sudah tidak mengetahui lagi kepayahan yang dihadapi jenerasi tua dan peranan pasukan keselamatan kedua belah pihak. Penyelidikan juga dapat dibuat tentang aplikasi era darurat tahun 1948-1960 dan relatifnya pada tahun 1970an.

Operasi Kawasan Tempatan

Pasukan 11 PPH juga banyak terlibat dalam tugas dalam khususnya di negeri Kelantan dan Kedah. Antara yang menarik ialah operasi di Pos Belom, Ulu Kelantan dalam tahun 1971. Di

¹¹ MAGERAN ditubuhkan rentetan dari kekacauan 13 Mei 1969, lihat juga Syarif Ahmad, 1991. *Tunku Abdul Rahman - Memoir Politik*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

¹² Tan Sri Abdul Rahman Hashim telah ditembak pada 7 Jun 1974, Tugu Negara diletupkan pada 26 Ogos 1975. Baca juga Mohd Redzuan Haji Asli, 1993. *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

¹³ Untuk pemahaman lanjut konsep Heart and Mind, rujuk Stubbs, Richard, 1989. *The Hearts and Minds in the Guerilla Warfare*, Singapore: Oxford University Press.

Belom, mereka berpangkalan hampir dengan sungai. Pertahanan mereka ialah kubu yang kukuh dibina lebih awal oleh pasukan jurutera pihak tentera. Pelbagai kepayahan disini dimana perhubungan masuk keluar dan perbekalan banyak bergantung pada helikopter Nuri¹⁴ pihak Tentera Udara Diraja Malaysia.¹⁵

Batalion 11 juga terlibat dengan mengawal ketenteraman tempatan, dalam tahun 1970an banyak kawasan di pedalaman Kelantan telah mula diterokai sama ada dengan kebenaran kerajaan atau secara haram. Dalam bulan Mac 1973, berlaku pergaduhan antara peneroka Lembaga Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (LKPN) dengan kumpulan peneroka secara haram di kawasan Batu Melintang. Begitu jua dengan bantuan kawalan sempadan dengan operasi yang dijalankan dikawasan sempadan Kampong Kubang Pak Hitam, Meranti dan kawasan kampong Munduk di Thailand.¹⁶

Gubir di Kedah pula merupakan kawasan yang panas dengan ancaman musuh. Pihak PKM dilihat mempunyai pengkalan yang kuat dikawasan berhampiran. Pelbagai insiden berlaku terhadap pihak polis dan tentera dalam misi mereka di kawasan sempadan timur negeri Kedah ini. Topografi kawasan tersebut juga berlereng dan berbahaya, musuh sedia untuk menyerang hendak. Pasukan keselamatan sentiasa dalam kedudukan sedia biar pun bahaya mungkin dihadapan. Rossem menceritakan;

“Tiap-tiap kali eskot bila melalui kawasan bahaya, muncung senapang masing-masing menghala ke bukit-bukau, jari tak lekang dari tregger (trigger), siap sedia untuk menembak, bercakap atau bersembang terhenti, masing-masing diam, mulut saja yang kelihatan kumat kamit, baca apa entah.”¹⁷

Namun apa yang dilihat terbesar alam pengalaman beliau ialah serang hendap ke atas Platun 5 , Kompeni B yang berlaku jam 12.30 tengahari pada tanggal 16 Jun 1972 di kawasan antara Gubir dan Mong Gajah. Dalam kejadian ini seramai empat orang anggota keselamatan telah terkorban. Rossem yang ketika itu berada di pengkalan Kota Aur telah digerakkan ke lokasi untuk menjejak musuh. Dalam tugas itu, mereka ditimba musibah apabila salah seorang anggota terkena jerangkap samar. Beberapa anggota pasukan telah tercedera termasuk cedera ringan yang turut dialami kartunis tersebut. Mereka diterbangkan ke hospital di Pulau Pinang untuk rawatan.¹⁸

Pihak kerajaan dalam tahun yang sama mengadakan operasi besar di kawasan tengah semenanjung, kawasan Ulu Kelantan salah satu dari kawasan gerakan keselamatan tersebut. Salah satu pengkalan ialah di Sekolah Kebangsaan Bertam, Gua Musang.¹⁹ Jumlah pasukan keselamatan yang terlibat dalam operasi ini melibatkan ribuan orang dari gabungan pihak

¹⁴ Untuk pemahaman lebih lanjut rujuk Nor Ibrahim,2020. *Burung Besi Dalam Kenangan*, Jitra: Mejar Dr Nor Ibrahim

¹⁵ Kawasan ini dapat dihubungi sekarang apabila siap jalan utama dari Gua Musang –Lojing-Kampong Raja.

¹⁶ Perbatasan ini dipisahkan dengan aliran Sungai Golok.

¹⁷ Rossem, op.cit. hlm, 78

¹⁸ Peristiwa ini dilaporkan juga dalam akhbar *The Star*, Rossem, op.cit. hlm.83

¹⁹ Kawasan Gua Musang ini telah menjadi gerakan pihak Komunis semenjak selepas tamat Perang Dunia Kedua lagi, pembacaan lanjut rujuk Abdul Samad Idris, 1983. *Askar Melayu 50 Tahun*, Kuala Lumpur: Pustaka Budiman

PDRM dan tentera. Dalam operasi ini juga kawasan penempatan Orang Asli diberikan perlindungan. Antara kawasan yang disebut ialah Kampung Lai.²⁰

Kesemua pengalaman dan informasi ini dapat digunakan sama ada untuk penulisan memoir atau penyelidikan lanjut tentang plan keselamatan pihak kerajaan dan keberkesannya dalam kempen melawan PKM era insurgensi. Ini termasuk juga kajian sejarah setempat terhadap lokasi-lokasi yang disebutkan dalam karya Rossem ini. Pembangunan telah banyak mengubah keadaan fizikal dan muka bumi, ada kawasan dahulunya merupakan kawasan bukit-bukau, kini berubah mungkin menjadi penempatan penduduk dan ladang tanaman.²¹

Operasi di Sarawak

Batalion 11 juga ditugaskan untuk membentaras pihak komunis di Sarawak. Sabah dan Sarawak dalam tempoh yang sama juga diancam dengan gerakan Parti Komunis Kalimantan Utara. Kawasan negeri yang luas ini memerlukan lebih ramai anggota pasukan keselamatan. Dalam tahun 1963, semasa kempen konsfrantasi Malaysia-Indonesia, slogan “Ganyang Malaysia”²² menjadi teras tindakan dipihak Indonesia, beberapa kawasan di Sabah dan Sarawak telah diresapi musuh.²³ Apabila tamat konsfrantasi ini, pihak komunis pula mengambil kesempatan untuk mengukuhkan kedudukan mereka.²⁴

Battalion 11 telah diatur gerak ke Sarawak, Rossem dan kumpulannya telah diterbangkan dengan pesawat Dart Herald dari Kuantan²⁵. Dari Kuching, pasukan PPH ini dibawa dengan kapal Rajah Sibu ke Sarekei. Mereka berpengakalan sementara di beberapa tempat termasuk kampung Buntal dan Bako. Dilihat sepertimana Lat, Rossem seorang kartunis yang mengamati sesuatu aspek sebelum berkarya, ini dibuktikan dengan komposisi cerita yang dilakarkan. Sebagai contoh diceritakannya tentang bekalan makanan (rations) semasa di semenanjung adalah dibekalkan sama seperti yang dibekalkan kepada tentera. Akan tetapi untuk penugasan di Sarawak mereka dibekalkan dengan rations dari kedai.²⁶ Pasukan mereka pulang ke semenanjung dengan kapal Kota Rajah, menariknya Rossem melakarkan kembali gambar beliau dan pasukannya dalam bentuk ilustrasi kartun. Sejumlah rakan pasukannya masih lagi dingat dan dilukiskan dalam karya beliau.

Cerita di Sarawak ini sesuatu yang juga ada potensi untuk kajian lanjut. Jika ditulis kembali dalam bentuk memoir, ia bakal paparan pengalaman yang sangat bernilai bagi pihak pasukan keselamatan dan masyarakat umum. Komunis telah meletakkan senjata di semenanjung, begitu

²⁰ Berkemungkinan kampong tersebut ialah Kampong Lah yang berhampiran dengan kawasan Meranto, juga di Gua Musang.

²¹ Kawasan operasi yang disebutkan dengan jalan kecil bertanah merah sekarang telah berubah menjadi laluan berturap dan dapat dihubungi dari bandar Gua Musang merentas ke Jeli.

²² Untuk pemahaman lanjut tentang langkah Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri ketika itu, rujuk juga Ramlah Adam. *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.2005

²³ Antara yang pernah terlibat dalam operasi keselamatan di Sabah dan Sarawak ini ialah baginda Sultan Kedah sekarang, Sultan Sallehuddin. Baginda merupakan seorang pegawai tentera berkelulusan India Military Academy, Dehra Dun, baginda berkhidmat dengan Rejimen Askar Melayu Diraja. Lihat Ahmad Bashawir Ghani, Mohd Kasri Saidon dan Ram Aljafri, 2019. *Putera Raja di Bumi Sintok*, Sintok: UUM Press

²⁴ Perihal PKM ini juga berbalik pada hubungan mereka dengan negara China ketika itu, rujuk Abdullah Dahana, 2002. *China dan Malaysia Dalam Era Perang Dingin 1949-1974*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

²⁵ Rossem menulis sebagai Dark Harold, penulis mengandaikan ia pesawat Dart Herald, mungkin terdapat kesilapan ejaan.

²⁶ Rossem.op.cit. hlm. 45 malah lakaran kulit luar juga menggambarkan kenderaan perisai jenis V150 yang kerap digunakan semasa itu.

juga halnya di Sabah dan Sarawak. Namun tidak banyak kajian ilmiah dilahirkan dalam bentuk bacaan tentang peranan PPH misalnya dalam tugas mereka di negeri tersebut.

Penutup

Sejarah harus diperkasakan sepertimana negara lain, di barat ia berada dalam kedudukannya yang tersendiri. Thailand dan Indonesia dapat kita jadikan contoh terdekat bagi kita. Namun sejarah era kini bukanlah hanya dipelajari atau berasaskan buku semata-mata. Pembelajaran sejarah pula seharusnya menjadi intipati jati diri bangsa dan merupakan satu bentuk pembelajaran atau perkongsian sepanjang hayat. Kisah tentang ancaman pihak komunis sama ada era darurat atau insurgency sepatutnya berada dalam pengetahuan umum. Apresiasi terhadap pengorbanan pasukan keselamatan dan orang awam dalam kancas ancaman keselamatan itu patut sehati dalam diri warga Malaysia. Hasil karya berbentuk kartun juga dilihat dapat digunakan sebagai medium penyampai yang santai namun terkandung pengisian yang informatif. Untuk sejarah kepolisan, kartunis Rossem telah memainkan peranannya secara tidak langsung. Karya sebegini sepatutnya lebih banyak berlegar menjadi tatapan umum, tidak kira apa juga latar belakang kartunis tersebut tapi yang utama maklumat sejarah dapat disampaikan. Dalam sejarah kepolisian, penyampaian yang santai begini dilihat mudah dan selesa diterima pelbagai lapisan masyarakat. Faedah yang sama juga berbalik pada pihak PDRM dimana apa yang ditulis atau dilakarkan menjadi sebahagian rekod atau himpunan fakta yang tidak rasmi kepada institusi tersebut. Walaupun ia dianggap ringan namun apa yang terkandung dalamnya tinggi nilainya pada sejarah dan berpotensi untuk penjaan kajian lebih lanjut.

Rujukan

- Abdul Samad Idris (1983). *Askar Melayu 50 Tahun*, Kuala Lumpur: Pustaka Budiman
- Alloysius Chin (1994). *The Communist Party of Malaya*, Kuala Lumpur: Vinpress
- Abdullah Dahana (2002). *China dan Malaysia Dalam Era Perang Dingin 1949-1974*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ahmad Bashawir Ghani, Mohd Kasri Saidon dan Ram Aljafri (2019)/ *Putera Raja di Bumi Sintok*, Sintok: UUM Press
- Rossem (1989). *Diari Seorang Konstabel*, Kuala Lumpur: Penerbitan Keramat
- Ramlah Adam (2005). *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Pilus Yusoh, Dato' (2001). *A Policeman Story*, Kuala Lumpur: Cempaka Publication
- Mohd Redzuan Haji Asli (1993). *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nor Ibrahim (2020). *Burung Besi Dalam Kenangan*, Jitra: Mejar Dr Nor Ibrahim
- Puvaneswaran S.K (2004). *Puvan- Memoirs of Early Life & 33 Years In Police*, Kuala Lumpur: Alf Promotions,
- Usman Awang (1992). *Tulang-Tulang Berserakan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Spencer Chapman (1997). *The Jungle is Neutral*, Singapore: Times Books International
- Stubbs, Richard (1989). *The Hearts and Minds In The Guerilla Warfare*, Singapore: Oxford University Press
- Syarraf Ahmad (1991). *Tunku Abdul Rahman - Memoir Politik*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara
- Good Old Days, Police Caricatures*, 1993. Kuala Lumpur: Euroempire Sdn.Bhd.